A **MOHD HAFIZ ISMAIL**

**lwn.**

**PP**

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
ZAMANI A RAHIM J
[RAYUAN JENAYAH NO: 42A-15-2011]
22 JANUARY 2013

C ***KETERANGAN:*** *Ekshibit - Rantaian keterangan - Kegagalan mengemukakan ekshibit - Sama ada ekshibit hal perkara pertuduhan - Sama ada menyebabkan pemutusan rantaian keterangan kes pendakwaan - Sama ada keterangan substantif - Sama ada kes pendakwaan terjejas*

D ***KETERANGAN:*** *Saksi - Pernyataan - Percanggahan dalam pernyataan saksi-saksi pendakwaan - Sama ada menjejaskan kredibiliti saksi-saksi - Sama ada kes pendakwaan terjejas*

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman - Rayuan - Hukuman terhadap kesalahan rasuah - Sama ada hukuman berpatutan - Sama ada*
E *mematuhi prinsip hukuman - Sama ada keadaan kes dipertimbangkan sebelum hukuman diberikan - Sama ada hukuman wajar diketepikan*

***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 - Seksyen 17(a) - Dakwaan memperoleh rasuah*
F *- Sama ada elemen-elemen kesalahan dibuktikan - Sama ada anggapan di bawah s. 50 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 berbangkit - Sama ada anggapan dipatahkan - Sama ada pembelaan berjaya menimbulkan keraguan munasabah*

G Perayu dituduh dengan dua pertuduhan di bawah s. 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM'). Selepas perbicaraan penuh, perayu didapati bersalah dan disabitkan dengan kedua-dua pertuduhan tersebut. Perayu dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM10,000 bagi setiap
H pertuduhan. Perayu didakwa memperoleh wang rasuah sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan ke atas SP8. Pembelaan perayu adalah bahawa dia tidak terlibat dalam penahanan SP8 tetapi penahanan tersebut dibuat oleh anggota polis dari Skuad 42 dan oleh itu, tidak logik bagi perayu meminta wang rasuah daripada
I SP1 iaitu abang SP8. Alasan-alasan rayuan yang dikemukakan oleh perayu, antara lain, adalah: (i) bahawa wang tersebut adalah untuk diserahkan kepada Skuad 42 dan bukannya kepada perayu; (ii)

kegagalan pihak SPRM untuk mengadakan kawad cam untuk mengesan ahli-ahli Skuad 42; (iii) kegagalan memanggil Ah Meng sebagai saksi; (iv) pengemukaan pita rakaman kosong menyebabkan rantaian keterangan terputus; (v) percanggahan yang material dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan; (vi) keterangan-keterangan saksi pembelaan tidak dinilai secara keseluruhan; dan (vii) hukuman penjara yang terlalu berat dan tidak mengikut *trend*.

**Diputuskan (mengenepikan hukuman HMS dan menggantikannya dengan penjara tiga tahun dan denda RM10,000 jika tidak dibayar tiga bulan penjara bagi pertuduhan pertama dan kedua):**

**(1)** Keterangan kukuh saksi-saksi menyatakan bahawa perbincangan dan perbuatan memperoleh wang rasuah dilakukan hanya oleh perayu seorang sahaja. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa sememangnya individu yang menerima wang daripada SP1 hanyalah perayu dan bukannya anggota Skuad 42. (perenggan 6)

**(2)** Berdasarkan kepada prinsip kes *Kee Yiik Kwok @ Kee Yuk Kwok v. PP*, adalah jelas bahawa isu sama ada "favour" wujud atau tidak, tidaklah menjadi persoalan memandangkan dalam kes ini, saksi-saksi pendakwaan telah menyatakan bahawa pada pertemuan pertama, perbincangan telah dilakukan bersama-sama perayu dan perayu sendiri yang telah menerima wang RM300 daripada SP1. Oleh yang demikian, tidak perlu untuk pihak pendakwaan membuktikan sama ada wang tersebut adalah untuk diserahkan kepada anggota Skuad 42 oleh kerana telah dibuktikan bahawa wang telah diserahkan dan diterima oleh perayu sendiri dan dengan itu, anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009 adalah terpakai. (perenggan 9)

**(3)** Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan dua elemen penting bagi kedua-dua pertuduhan iaitu, tertuduh adalah seorang penjawat awam semasa dia menerima wang rasuah dan kedua, bahawa wang berjumlah RM300 dan RM400 telah diserahkan kepada perayu. Oleh sebab itu, beban adalah pada perayu pada tahap imbangan kebarangkalian untuk memberi penjelasan bagi menyangkal anggapan yang telah terpakai ke atasnya. Hakim Mahkamah Sesyen jelas tidak khilaf apabila memanggil perayu untuk membela diri. Hakim Mahkamah Sesyen juga tidak khilaf dalam memutuskan bahawa perayu

A gagal menimbulkan sebarang keraguan tidak munasabah kerana pembelaannya gagal mematahkan anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009. (perenggan 12 & 15)

**(4)** Kawad cam hanya perlu diadakan jika keterangan-keterangan
B yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwaan menyatakan bahawa wang tidak diterima oleh perayu, tetapi diterima oleh mana-mana individu lain yang dikatakan sebagai anggota polis Skuad 42. Berdasarkan fakta, tidak ada mana-mana keterangan yang menunjukkan bahawa terdapat penyerahan wang kepada
C individu lain, selain daripada perayu. Oleh itu, kawad cam bukanlah satu keperluan dalam membuktikan pertuduhan ke atas perayu. (perenggan 22)

**(5)** Perayu dituduh memperoleh wang rasuah dan bukannya
D meminta. Oleh itu, isu permintaan tidak timbul. Walau bagaimanapun, dalam kes ini telah dibuktikan bahawa penyerahan wang telah dibuat dan wang telah diterima hanya oleh perayu seorang dan tiada orang lain. Oleh itu, kegagalan memanggil Ah Meng sebagai saksi pendakwaan, tidak
E menjejaskan kes pendakwaan memandangkan naratif kes pendakwaan telah berjaya dibuktikan melalui keterangan saksi-saksi yang dikemukakan. Ia juga tidak membangkitkan anggapan menentang di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950; *Ranjit Singh Jit Singh v. PR* (diikuti). (perenggan 31)

F **(6)** Walaupun pita rakaman yang dikemukakan adalah kosong, ia tidak menyebabkan rantaian keterangan dalam kes pihak pendakwaan terputus kerana ia bukan hal perkara pertuduhan kes. Hal perkara pertuduhan adalah wang rasuah yang diberikan kepada perayu dan sepanjang masa keterangan
G diberikan, telah dibuktikan bahawa rantaian keterangan berkenaan wang-wang perangkap tidak terputus. Pita rakaman tersebut adalah keterangan sokongan sahaja dan bukan keterangan substantif yang akan menjejaskan kes pihak pendakwaan jika tidak dikemukakan; *Bala Anak Matik v. PP*
H (diikuti). (perenggan 38 & 39)

**(7)** Percanggahan dalam kes pendakwaan bukanlah percanggahan material yang boleh menjejaskan kes pendakwaan sebaliknya hanya percanggahan kecil yang telah, secara tidak langsung,
I meningkatkan kredibiliti saksi-saksi pendakwaan. Sebaliknya,

keterangan saksi-saksi pembelaan gagal menyangkal anggapan di bawah s. 50 ASPRM yang terpakai dan dengan itu, Hakim Mahkamah Sesyen tidak khilaf apabila mensabitkan tertuduh dengan kedua-dua pertuduhan. (perenggan 46)

**(8)** Hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu dalam kes ini tidak melampau dan mematuhi prinsip menjatuhkan hukuman kerana kesalahan rasuah adalah serius. Hukuman yang setimpal harus diberikan supaya ia menjadi teladan bukan sahaja kepada tertuduh tetapi juga kepada masyarakat secara umumnya. Mengambil kira faktor bahawa perayu adalah seorang penjawat awam, nilai wang, tempoh masa perbicaraan kes dan juga tahap keseriusan kes rasuah, adalah jelas bahawa HMS tidak khilaf apabila menjatuhkan hukuman ke atas perayu; *PP v. Mastor Ibrahim* (diikuti). Walau bagaimanapun, terdapat ketinggalan yang dilakukan oleh HMS dalam hukumannya di mana beliau tidak menyatakan tempoh pemenjaraan jika gagal membayar denda dan bilakah bermulanya tempoh pelaksanaan hukuman bagi pertuduhan pertama. (perenggan 59, 62 & 63)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Ahmad Ibrahim v. PP [2012] 7 CLJ 445 CA* ***(dirujuk)***
*Attan Abdul Gani v. PP [1969] 1 LNS 12 HC* ***(dirujuk)***
*Bala Matik v. PP [2006] 2 CLJ 229 CA* ***(diikuti)***
*Fung Siew Fah v. PP [2012] 1 LNS 385 CA* ***(dirujuk)***
*Kalaichelvan Singaravelu v. PP [2011] 1 LNS 1793 HC* ***(dirujuk)***
*Kee Yiik Kwok v. PP [2005] 1 LNS 75 HC* ***(dirujuk)***
*Khoon Chye Hin v. PP [1961] 1 LNS 41* ***(dirujuk)***
*Munusamy v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221* ***(dirujuk)***
*PP v. Chee Kon Fatt [1991] 3 CLJ 2564; [1991] 3 CLJ (Rep) 513 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Datuk Haji Harun Haji Idris (No 2) [1976] 1 LNS 184 HC* ***(dirujuk)***
*PP v. Mastor Ibrahim & Another Appeal [2012] 4 CLJ 872 HC* ***(diikuti)***
*Public Prosecutor v. Yuvaraj [1968] 1 LNS 116 PC* ***(dirujuk)***
*Ranjit Singh Jit Singh v. PR [2012] 10 CLJ 128 CA* ***(diikuti)***
*Saw Thean Teik v. Regina [1952] 1 LNS 121 HC* ***(dirujuk)***
*Thavanathan Balasubramaniam v. Public Prosecution [1997] 3 CLJ 150 FC* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Evidence Act 1950, s. 114(g)
Prevention of Corruption Act 1961, s. 4(a)

A *Bagi pihak perayu - Rosli Ismail*
*Bagi pihak responden - Ahmad Ghazali Muhamad Nadzri; TPR*

*Dilaporkan oleh Emm Zehra*

B

## PENGHAKIMAN

**Zamani A Rahim J:**

C **[1]** Perayu telah dituduh dengan dua pertuduhan di bawah s. 17(a) ASPRM 2009 dan selepas perbicaraan penuh, pada 28 Oktober 2011, perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan kedua-dua pertuduhan. Bagi pertuduhan pertama, perayu telah dijatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM10,000 manakala bagi pertuduhan kedua, beliau juga dijatuhkan hukuman
D yang sama iaitu penjara tiga tahun dan denda RM10,000.

**[2]** Tidak berpuas hati dengan sabitan dan hukuman tersebut dan perayu telah merayu ke mahkamah ini berlandaskan 33 alasan yang telah dikemukakan di dalam petisyen rayuan beliau. Tetapi
E 33 alasan tersebut dapat disimpulkan kepada tajuk-tajuk berikut:

(a) Bahawa wang adalah untuk diserahkan kepada Skuad 42 dan bukannya kepada perayu;

F (b) Kegagalan pihak SPRM untuk mengadakan kawad cam untuk mengesan ahli-ahli Skuad 42;

(c) Kegagalan memanggil Ah Meng sebagai saksi;

(d) Pengemukakan pita rakaman kosong menyebabkan rantaian
G keterangan terputus;

(e) Percanggahan yang material di dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan;

(f) Keterangan-keterangan saksi pembelaan tidak dinilai secara
H keseluruhan;

(g) Hukuman penjara yang terlalu berat dan tidak mengikut trend.

**[3]** Di bawah ini tajuk-tajuk alasan di atas dinilai secara positif
I dan kritikal.

**Bahawa Wang Untuk Diserahkan Kepada Skuad 42 Dan Bukannya Kepada Perayu**

**[4]** Di dalam pembelaannya, perayu telah mengasaskan suatu pembelaan iaitu perayu tidak langsung terlibat di dalam penahanan Mohd Zairulrizuan Mohd Idrus, SP8. Penahanan tersebut dibuat oleh satu anggota polis dari skuad yang dikenali sebagai Skuad 42. Oleh yang demikian, dikatakan bahawa tidak logik bagi perayu meminta wang rasuah daripada abang SP8 iaitu Mohd Zairulnizal Mohd Idrus, SP1 bagi tujuan supaya tindakan undang-undang tidak diambil terhadap SP8, memandangkan perayu bukanlah individu yang menahan SP8. Atas alasan ini, secara tidak langsung pihak perayu ingin menyatakan bahawa beliau tidak boleh memberi sebarang balasan atau "favour" kepada SP1 dan juga SP8. Oleh yang demikian, tidak ada sebarang kesalahan yang telah beliau lakukan di bawah Akta SPRM 2009.

**[5]** Mengenai wang sama ada untuk diserahkan kepada Skuad 42 bukanlah satu isu yang material. Ini adalah kerana keterangan saksi-saksi pendakwaan terutamanya SP1 dan abang beliau, Mohd Zamran Mohd Idrus, SP2 dengan jelas menyatakan bahawa mereka telah berurusan dengan perayu pada sepanjang masa (yang berkaitan pertuduhan pertama) dan perkara yang dibincangkan adalah berkenaan bagaimana cara untuk mereka dapat selesai kes adik mereka iaitu SP8. Perkara tentang perbincangan di antara SP1 dan perayu dapat dilihat melalui keterangan-keterangan berikut:

> Zack (perayu) cuma beritahu beri RM800, saya cakap pada dia saya tidak cukup duit dan saya hanya bagi RM300 sahaja.
>
> Saya beri RM300 kerana nak settlekan kes adik saya daripada ditangkap.
>
> [m.s 25 Rekod Rayuan]
>
> "Selepas saya serahkan RM300 kepada Zack, Zack lepaskan adik saya."
>
> [m.s 26 Rekod Rayuan]
>
> Q: Pada kejadian pertama, siapa anggota polis yang kamu jumpa, kamu kata tadi Skuad 42. Beri penerangan.
>
> A: Saya jumpa skuad 42 dahulu. Selepas itu baru berjumpa dengan Zack.

A [m.s 37 Rekod Rayuan]

Keterangan SP2 di antara lain seperti berikut:

"Saya nampak Zairulnizam pergi memberitahu seorang lagi pegawai yang pernah makan burger di kedai saya dan berbincang
B dengannya.

Mereka membincangkan mengenai bayaran bagaimana hendak settle. Saya duduk di situ saya dengar sekali. Saya dengar hendak settle RM800.

C Ada bagi deposit RM300 dan selebihnya ada lagi seminggu hingga dua minggu baru jelaskan lagi baki RM500.

Zairulnizam yang serahkan RM300 kepada polis. Anggota polis yang terima duit daripada Zairulnizam nama panggilannya adalah Zack."
D

[m.s 40 Rekod Rayuan]

**[6]** Walaupun terdapat keterangan yang menyatakan bahawa terdapat beberapa lagi anggota polis yang berada di tempat
E kejadian pada malam tersebut, tetapi keterangan yang kukuh daripada kedua-dua saksi ini menyatakan bahawa perbincangan dan perbuatan memperoleh wang rasuah adalah hanya dilakukan oleh perayu seorang sahaja. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa sememangnya pada malam tersebut, individu yang
F menerima wang daripada SP1 hanyalah perayu dan bukannya anggota Skuad 42.

**[7]** Berkenaan dengan isu "favour" yang ditimbulkan oleh pihak perayu, walaupun keterangan yang dikemukakan memperlihatkan seolah-olah perayu tidak mempunyai kuasa untuk menahan dan
G membebaskan SP8, ianya bukanlah satu isu yang material. Apa yang perlu dibuktikan oleh pihak responden adalah berlakunya permintaan wang oleh satu pihak kepada pihak yang lain dan wang tersebut diperoleh oleh si peminta wang berkenaan.

H **[8]** Dalam kes *Kee Yiik Kwok v. PP* [2005] 1 LNS 75 di mana mahkamah telah membincangkan berkenaan isu "favour", dan menyatakan seperti berikut:

Similarly in *Gurbachan Singh v. Public Prosecutor* [1966] 1 LNS 57;
I [1966] 2 MLJ 125 it was held that it was not necessary to prove that favour had been shown. All the cases that I have referred to above points to one principle that is in a corruption case the

> prosecution need not adduce evidence that the person who received the bribe had done a favour to the giver or that the giver of the bribe had enjoy or receive the favour promised by the receiver of the bribe. All that is required of the prosecution to prove is that the person who offers the bribes did give the bribe to the person who solicits for it and that person did receive it.

**[9]** Oleh yang demikian, dengan mengguna pakai prinsip kes di atas, maka adalah jelas bahawa isu sama ada "favour" wujud atau tidak, tidaklah menjadi persoalan memandangkan di dalam kes ini, saksi-saksi pendakwaan telah menyatakan bahawa pada pertemuan pertama, perbincangan telah dilakukan bersama-sama perayu dan perayu sendiri yang telah menerima wang RM300 daripada SP1. Oleh yang demikian, tidak perlu untuk pihak pendakwaan membuktikan sama ada wang itu adalah untuk diserahkan kepada anggota Skuad 42 oleh kerana telah dibuktikan bahawa wang telah diserahkan dan diterima oleh perayu sendiri.

**[10]** Berdasarkan kepada keterangan yang wang telah diserahkan kepada perayu, maka anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009 adalah terpakai di mana secara ringkas ianya menyatakan bahawa apabila seseorang menerima wang, maka adalah dianggapkan bahawa wang tersebut diberikan secara rasuah sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap pemberi wang, melainkan akasnya dibuktikan. Oleh itu adalah dapat disimpulkan bahawa apabila seseorang itu menerima wang, maka hendaklah dianggapkan bahawa tujuan wang tersebut diambil adalah secara rasuah dan adalah terletak beban kepada diri individu tersebut untuk membuktikan perkara sebaliknya.

**[11]** Merujuk kepada kes *Public Prosecutor v. Yuvaraj* [1968] 1 LNS 116; [1969] 2 MLJ 89 di ms 4, perenggan 9, mahkamah telah menerangkan tentang pemakaian anggapan di bawah s. 4(a) Akta Pencegahan Rasuah 1961 yang mana ianya adalah *pari materia* dengan s. 50 ASPRM 2009 yang menyatakan bahawa:

> where a defendant is charged with an offence under section 4(a) of the Prevention of Corruption Act 1961, to which section 14 also applied, the onus lies on the prosecution to prove the first two factual ingredients of the offence *vis* (1) that a gratification was paid or given to or received by the defendant and (2) that at the time of the payment, gift or receipt he was in the employment of a public body. Upon proof of these two ingredients the existence of the third ingredient, *viz* (3) that the gratification was paid or given or received corruptly as an inducement or reward for doing or forbearing to do an act in relation to the affairs of that public body, is to be presumed unless the contrary is proved.

**[12]** Di dalam kes ini, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan dua elemen penting untuk kedua-dua pertuduhan. Pertamanya; tertuduh adalah seorang penjawat awam pada ketika beliau menerima kedua-dua wang rasuah. Kedua, pihak pendakwa an telah berjaya membuktikan melalui keterangan saksi-saksi pendakwaan bahawa wang berjumlah RM300 dan RM400 telah diserahkan kepada perayu. Oleh sebab itu, beban adalah terletak kepada perayu pada tahap imbangan kebarangkalian untuk memberi penjelasan bagi menyangkal anggapan yang telah terpakai ke atasnya. Oleh itu, adalah jelas Hakim Mahkamah Sesyen tidak khilaf apabila memanggil perayu untuk membela diri.

**[13]** Ketika membela diri, pembelaan perayu hanyalah merupakan satu penafian semata-mata. Beliau menafikan bahawa beliau ada berjumpa dengan SP8 dan juga mana-mana ahli Skuad 42 pada ketika beliau berada di gerai burger SP2. Dan beliau juga menafikan bahawa beliau ada menerima wang daripada mana-mana ahli keluarga SP8. (sila lihat m/s 119 Rekod Rayuan). Bagi pertuduhan kedua, perayu juga menafikan bahawa beliau ada menerima RM400 daripada SP1 dan penjelasan yang beliau berikan hanyalah dia lihat SP1 memasukkan sesuatu ke dalam porch bagnya. Keterangan yang perayu berikan adalah seperti berikut:

> Setelah saya ambil (pemetik api), saya mencucuh rokok, tengah saya cucuh, Lalat ada masukkan satu benda di dalam porch bag saya yang zipnya terbuka semasa saya mengambil pemetik api. Setelah dia masukkan benda itu terus dia cakap kepada saya "minta tolong beri kepada Abe atau Eddy". Selepas dia cakap begitu, saya duduk. Saya pun buka porch bag itu, apabila buka saya jumpa ada sejumlah wang. Saya tidak tahu berapa jumlah wang. Selepas saya ambil bawa keluar dan pasti bahawa ia memang duit dan saya panggil Lalat, tetapi Lalat tidak endah panggilan saya kerana dia memusingkan mukanya ke arah jalan dan saya nampak dia buka sweater warna putih.
>
> [m.s 123 Rekod Rayuan]

**[14]** Berdasarkan keterangan tersebut, adalah tidak logik bahawa perayu tidak secara spontan mempersoalkan apa yang dimasukkan ke dalam beg beliau. Ini adalah kerana porch bag adalah dalam kawalan beliau pada ketika itu. Jika seseorang yang asing memasukkan sesuatu ke dalam beg yang berada di dalam kawalan kita, sudah semestinya secara spontan kita akan bertanya mengenai tindakan tersebut. Tetapi, dapat dilihat dengan jelas bahawa

perayu telah mengambil masa untuk duduk terlebih dahulu dan membuka porch zip beliau dan barulah beliau menemui sejumlah wang yang dikatakan diletak di dalam beg tersebut. Persoalannya: mengapa beliau membiarkan SP1 berlalu tanpa mendapatkan penjelasan terlebih dahulu tentang apa yang telah SP1 letakkan di dalam beg beliau? Oleh yang demikian, inferens yang tidak dapat dielakkan adalah sememangnya pada ketika itu perayu telah mengetahui bahawa wang tersebut adalah wang yang beliau sendiri terima daripada SP1 dan beliau sendiri yang telah memasukkan wang berjumlah RM400 tersebut ke dalam porch bag yang dipakai beliau. Oleh sebab itu beliau membiarkan SP1 berlalu dari kawasan tersebut.

**[15]** Berdasarkan kepada keterangan di atas juga, keterangan yang diberikan oleh perayu bukanlah satu penjelasan yang jujur (innocent explanation) bagi menyangkal anggapan di bawah s. 50 ASPRM. Perkara ini telah dinyatakan di dalam kes *Thavanathan Balasubramaniam v. Public Prosecution* [1997] 3 CLJ 150; [1997] 2 MLJ 401 di ms. 178 (MCLJ) 420 di para 70:

> ... and it was for the accused to give an innocent explanation which the court consider more likely than not that it was true, ie, on the balance of probabilities, the test applied in civil proceedings: *PP v. Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89.

**[16]** Penjelasan yang perlu diberikan oleh perayu juga seharusnya hendaklah "reasonably sufficient to invite belief in its probable truthfulness" bagi mematahkan anggapan undang-undang di bawah s. 50 ASPRM 2009 sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kes *Attan Abdul Gani v. PP* [1969] 1 LNS 12; [1970] 2 MLJ 143 di ms. 144 yang menyatakan;

> The presumption cannot be said to have been rebutted without sufficient evidence, ie, such evidence as is reasonably sufficient to invite belief in its probable truthfulness.

**[17]** Di dalam kes ini, dapat dilihat bahawa pihak perayu telah gagal untuk memberi satu penjelasan yang jujur yang mana penjelasan yang beliau berikan telah gagal untuk meyakinkan. Terdapat keraguan terhadap keterangan yang diberikan oleh beliau.

**[18]** Oleh sebab itu, beliau telah gagal untuk menyangkal keterangan-keterangan saksi pendakwaan yang menyatakan bahawa wang berjumlah RM300 (pertuduhan pertama) dan RM400 (pertuduhan kedua) telah diserahkan kepada perayu tanpa melibatkan mana-mana pihak, seterusnya keterangan daripada

A pegawai-pegawai SPRM iaitu Mohd Zahari Zainon, SP3, Mohd Akmal Safuan Khairi, SP4 dan Khairul Hizam Wahab, SP5 telah menyatakan bahawa wang perangkap RM400 (pertuduhan kedua) telah dijumpai pada perayu yang mana mereka lihat perayu telah mengeluarkan wang tersebut daripada porch bag dan
B mencampakkan duit tersebut ke atas lantai. Pada ketika itu, hanya perayu seorang sahaja yang berada di tempat kejadian. Disebabkan itu, adalah jelas bahawa pada setiap masa, penerimaan wang hanyalah melibatkan perayu seorang sahaja dan tidak melibatkan mana-mana anggota polis yang lain, terutamanya anggota dari
C Skuad 42.

**[19]** Oleh itu, Hakim Mahkamah Sesyen adalah tidak khilaf apabila mempertimbangkan bahawa perayu seorang sahaja yang telah menerima wang berjumlah RM300 dan RM400 untuk kedua-dua
D pertuduhan dan memanggil perayu membela diri untuk kedua-dua pertuduhan. Hakim Mahkamah Sesyen juga tidak khilaf apabila memutuskan pembelaan perayu tidak berjaya menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah memandangkan pembelaaan beliau telah gagal untuk mematahkan anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009.

E **[20]** Di dalam kes ini, pihak perayu telah juga menimbulkan isu bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf apabila tidak mempertimbangkan kegagalan pihak SPRM untuk mengadakan kawad cam untuk mengesan ahli-ahli Skuad 42. Isu yang
F ditimbulkan oleh pihak perayu ini sekali lagi bukanlah isu yang material yang mana ianya boleh menjejaskan kes pendakwaan. Bahawa elemen utama yang perlu pihak pendakwaan buktikan bagi kedua-dua pertuduhan adalah perayu "sebagai seorang anggota polis telah memperoleh wang". Oleh yang demikian, apa yang perlu
G dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah perayu telah memperoleh wang daripada SP1 yang mana jika dapat dibuktikan, anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009 adalah terpakai ke atas perayu untuk menyangkal anggapan bahawa wang yang beliau terima itu bukanlah atas tujuan rasuah.

H **[21]** Keterangan pihak pendakwaan menunjukkan, hanya perayu seorang yang telah menerima wang berjumlah RM300 dan RM400 dan pengecaman ke atas perayu adalah positif dan ini adalah berpandukan kepada keterangan-keterangan berikut:

I Keterangan SP1, di antara lain, berkata:

> "Sebelum perjumpaan ini, saya pernah berjumpa dengan Zack iaitu di Persiaran Gurney dekat kedai burger abang saya."
>
> [m.s 25 Rekod Rayuan]

Keterangan SP2 pula adalah seperti berikut: A

"Saya nampak Zairulnizam pergi memberitahu seorang lagi pegawai yang pernah makan burger di kedai saya dan berbincang dengannya."

[m.s 40 Rekod Rayuan] B

Keterangan SP8 pula adalah seperti berikut:

"Saya kenal salah seorang anggota polis itu kerana sebelum ini datang ke kedai berger dan beliau salah seorang pelanggan kami. Panggilan terhadap lelaki tersebut dikenali sebagai Zack." C

[m.s 91 Rekod Rayuan]

**[22]** Pengecaman terhadap perayu adalah positif dan keterangan SP1 dan SP2 secara positif mengesahkan bahawa perayu yang memperoleh wang untuk kedua-dua pertuduhan. Kawad cam D mungkin perlu diadakan jika keterangan-keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwaan menyatakan bahawa wang tidak diterima oleh perayu, tetapi diterima oleh mana-mana individu yang lain yang dikatakan sebagai anggota polis Skuad 42. Tetapi keterangan yang ada menunjukkan, tidak ada mana-mana E keterangan yang menunjukkan bahawa terdapatnya penyerahan wang kepada individu lain, selain daripada perayu. Oleh itu, kawad cam bukanlah satu keperluan dalam membuktikan pertuduhan ke atas perayu.

F

**[23]** Walau bagaimanapun, satu usaha yang munasabah telah dilakukan oleh pihak SPRM melalui pegawai penyiasatnya bagi mengesan penama yang dikenali dengan panggilan Abe, Eddie dan lain-lain yang dikatakan anggota Skuad 42. Berdasarkan kepada keterangan pegawai penyiasat, Norasyiikin bt Sariman, SP9, beliau G telah menyatakan seperti berikut:

"Saya ada ke IPK dan tanya tentang Abe tetapi nama panggilan itu tidak ada di senarai anggota Skuad 42."

Q : Selain daripada Abe apa nama panggilan lain yang disebut? H Shahrul dan Eddie ada diberitahu kan?

A : Ada.

I

A Q : Nama itu pun kamu pergi ke Skuad 42 pun tidak wujud?

A : Tidak wujud.

[m.s 109 Rekod Rayuan]

B **[24]** Di dalam pemeriksaan semula oleh pihak pendakwaan, SP9 berkata:

Q : Berdasarkan siasatan kamu, tadi peguambela ada tanya tentang seseorang bernama Abe, hasil siasatan kamu ke IPK bagi Skuad 42 ini ada kamu merakam percakapan sesiapa di
C sana?

A : Ada

Q : Individu-individu ini wujud atau tidak?

D Berdasarkan nama yang disebut peguambela tadi?

A : Abe memang tidak wujud.

[m.s 112 Rekod Rayuan]

E **[25]** Maka, berpandukan kepada keterangan SP9, beliau telah melakukan penyiasatan dan mendapati nama-nama yang ditimbulkan oleh perayu adalah tidak wujud. Oleh sebab itu keperluan untuk kawad cam ke atas anggota Skuad 42 tidak timbul.

F **[26]** Malahan, ketika perayu telah memanggil Ketua Trafik Pulau Pinang, Supt Che Wan Aziz, DW4 memberi keterangan, pihak perayu tidak pernah pada bila-bila masa bertanyakan kepada DW4 sama ada penama-penama di atas wujud ataupun tidak, bagi mematahkan keterangan yang telah dinyatakan oleh SP9 ini.

G **[27]** Berpandukan kepada fakta-fakta di atas, adalah jelas bahawa penama-penama yang dinyatakan di dalam pembelaan adalah tidak wujud dan oleh itu, keperluan untuk pihak SPRM mengendalikan kawad cam tidak timbul. Saksi-saksi pendakwaan adalah positif bahawa perayu adalah individu yang memperoleh wang daripada
H SP1 dan bukan orang lain.

**[28]** Seterusnya tiada keperluan bagi pihak pendakwaan untuk mengesan dan memanggil ahli Skuad 42 untuk memberi keterangan memandangkan segala keterangan yang ada telah memadai untuk
I melengkapkan naratif keterangan dalam membuktikan kes

pendakwaan. Di dalam kes *Ahmad Ibrahim v. PP* [2012] 7 CLJ 445 di ms. 453 yang mana Azahar Mohamed J (pada ketika itu) telah menyatakan bahawa: A

> Furthermore, an adverse inference for not calling a witness cannot be drawn if there is sufficient other evidence to support the prosecution's case (see: *Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases* [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241). In the circumstances, it was our judgment that the failure by the prosecution to call Iskandar is not fatal to its case as his evidence is not necessary to unfold the narrative upon which the prosecution case is based. B C

**[29]** Di dalam kes ini, kedua-dua saksi utama pendakwaan telah mengesahkan bahawa wang sememangnya adalah diberikan kepada perayu yang mana perayu telah memperoleh kedua-dua nilai wang sepertimana yang dinyatakan di dalam pertuduhan. Malahan, sememangnya pertuduhan terhadap perayu adalah perayu telah memperoleh wang-wang tersebut sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan ke atas SP8. Oleh sebab itu, keterangan-keterangan yang ada telah melengkapkan naratif kes pendakwaan tanpa memerlukan keterangan daripada anggota-anggota Skuad 42 yang dinyatakan. D E

**Kegagalan memanggil Ah Meng**

**[30]** Dihujahkan bahawa Ah Meng jika dipanggil sebagai saksi pendakwaan akan dapat menyatakan bahawa beliaulah yang mencadangkan kes itu boleh diselesaikan jika RM1000 dibayar. Kegagalan memanggil Ah Meng dikatakan telah menimbulkan anggapan menentang di bawah s. 114(g) Akta Keterangan. F

**[31]** Jika merujuk kepada pertuduhan ke atas perayu adalah jelas beliau telah dituduh memperoleh wang rasuah dan bukannya meminta. Oleh itu, isu permintaan tidak timbul tetapi dalam kes ini telah dibuktikan bahawa penyerahan wang telah dibuat dan wang telah diterima oleh perayu seorang dan tiada orang lain. Oleh itu, tanpa memanggil Ah Meng sebagai saksi pendakwaan, ianya tidak menjejaskan kes pendakwaan memandangkan naratif kes pendakwaan telah berjaya dibuktikan melalui keterangan saksi-saksi yang dikemukakan. Di dalam kes *Ranjit Singh Jit Singh v. PR* [2012] 10 CLJ 128 (Rayuan Jenayah No: B-05-184-2008) yang G H I

A mana Mahkamah Rayuan telah merujuk kes Mahkamah Agung, *Munusamy v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; [1987] 1 MLJ 492 dan berkata:

> It is trite law that adverse inference can only be drawn against the prosecution "if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but material document by a party in his possession, or for nonproduction of not just any witness but an important and material witness to the case" (per Mohamed Azmi SCJ in *Munusamy v. Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492, 494, SC). But the prosecution has always the discretion to decide whether or not to call SD2 as its witness. And the prosecution has the right to decide not to call SD2 as its witness when the prosecution believes that that witness is not a witness of truth. The Court cannot dictate to the prosecution as to which witness to call or otherwise. It is entirely within the domain of the prosecution to decide. The Court will be reluctant to interfere with the exercise of discretion by the prosecution not to call SD2 unless it can be shown, and this is not done, that the learned deputy public prosecutor having conduct of the trial before the second High Court Judge has been influenced by some oblique motive" (per Lord Thankerton in the case of *Adel Muhammed El Dabbah v. Attorney-General for Palestine* [1944] AC 156, 168).

**[32]** Dengan menggunapakai prinsip di atas, adalah jelas bahawa pihak pendakwaan mempunyai budi bicara sepenuhnya dalam memutuskan untuk memanggil saksi-saksi yang relevan untuk membukti kesnya. Oleh itu keperluan untuk memanggil Ah Meng sebagai saksi tidak melemahkan kes pendakwaan terhadap perayu.

**[33]** Di ms. 23, Mahkamah Rayuan berkata:

> Be that as it may, the second High Court Judge was of the opinion that SD2 was not an essential witness to the unfolding of the prosecution's narrative. It must be reiterated that the prosecution offered SD2 at the close of the prosecution's case and that offer was taken up by the defence. In our judgment, no adverse inference can be invoked against the prosecution as there has not been any suppression of material evidence. If the prosecution did not make an effort in ensuring that SD2 was available for the defence, perhaps it may be argued that the prosecution may have some oblique motive.

**[34]** Mahkamah Rayuan juga telah menyatakan bahawa anggapan 114(g) hanya akan terpakai sekiranya terdapat penyembunyian fakta dalam keterangan pihak pendakwaan. Tetapi di dalam kes ini, jika dirujuk kepada ms. 113 rekod rayuan, menunjukkan pihak pendakwaan telah menawarkan Ah Meng ini kepada pihak pembelaan. Walau bagaimanapun pihak pembelaan telah menyatakan bahawa mereka tidak perlu kepada saksi tersebut.

**[35]** Di dalam kes *PP v. Chee Kon Fatt* [1991] 3 CLJ 2564; [1991] 3 CLJ (Rep) 513 pula, Edgar Joseph J pada ketika itu berkata:

> Before I deal with this question, I should perhaps straightaway say that no presumption adverse to the prosecution may be drawn under s. 114(g) of the Evidence Act because the prosecution did make Chee Swee Phang available to the defence but the defence did not call her.

**[36]** Oleh yang demikian, isu tidak memanggil Ah Meng sebagai saksi tidak boleh menjejaskan kes pendakwaan dan tidak membangkitkan anggapan menentang di bawah s. 114(g) Akta Keterangan

## Pengemukakan Pita Rakaman Kosong Menyebabkan Rantaian Keterangan Terputus

**[37]** Pihak perayu telah mempertikaikan bahawa rantaian keterangan ekshibit kes pendakwaan telah terputus memandangkan pita rakaman yang dikemukakan dalam perbicaraan merupakan suatu pita rakaman kosong, sedangkan menurut keterangan yang diberi oleh SP1, beliau telah diperdengarkan dengan rakaman perbualan telefon di antara beliau dan juga perayu.

**[38]** Walaupun pita rakaman yang dikemukakan adalah kosong, tiada terputus rantaian keterangan di dalam kes pendakwaan. Ini adalah kerana pita rakaman bukanlah hal perkara kepada pertuduhan. Hal perkara pertuduhan adalah merupakan wang rasuah yang telah diberikan kepada perayu iaitu wang berjumlah RM300 bagi pertuduhan pertama, manakala bagi pertuduhan kedua, hal perkara pertuduhan adalah wang perangkap RM400. Sepanjang masa keterangan diberikan, telah dibuktikan bahawa tiada terputusnya rantaian keterangan berkenaan wang-wang perangkap ini. Di dalam kes *Fung Siew Fah v. PP* [2012] 1 LNS

385 di ms. 8 yang mana Low Hop Bing J (pada ketika itu) telah menyatakan prinsip berkenaan kacauganggu terhadap ekshibit kes. Yang Arif telah menyatakan perkara seperti berikut:

> The defence referred to the possibility that the exhibits recovered may have been tampered with, on account of the prosecution's failure to produce all the three hand phones as exhibits. In this regard, we note that the true position is that the hand phones were not material to the charge which relates to drug trafficking.

**[39]** Dengan mengambil kira prinsip di atas, adalah jelas bahawa pita rakaman tersebut bukanlah satu hal perkara pertuduhan. Kebiasaannya, pita rakaman digunakan hanyalah sebagai satu bentuk keterangan sokongan sahaja dan ianya bukanlah satu bentuk keterangan substantif yang jika tidak diberikan akan menjejaskan kes pendakwaan. Keterangan utama adalah merupakan keterangan lisan yang diberikan oleh saksi-saksi di dalam mahkamah. Di dalam kes *Bala Anak Matik v. PP* [2006] 2 CLJ 229; [2006] 3 MLJ 516 yang mana mahkamah telah merujuk kepada kes *Saw Thean Teik v. Regina* [1952] 1 LNS 121; [1953] MLJ 124 yang menyatakan bahawa:

> Clearly, if the witness is in the witness box the best evidence is his oral evidence as to what he saw or discovered (see section 60 of the Evidence Ordinance). Where witnesses of this kind are brought to Court their reports should only be used, if at all, either to refresh memory or as corroboration.

**[40]** Di dalam kes ini, pihak pendakwaan telah memanggil pegawai yang merakam perbualan di antara SP1 dan juga perayu iaitu Jaffaruddin Shahari dan penjelasan juga telah diberi tentang mengapa tiada rakaman yang dapat dibuat ke dalam pita rakaman. Beliau telah memberi penjelasan sebagaimana berikut:

> SP6 berkata dalam pemeriksaan utama seperti berikut:
>
> Perbualan dilakukan dengan loud speaker dan ada dirakamkan.
>
> Yang dibualkan di antara Zairulnizal dengan sasaran adalah pengadu meminta baki wang sebanyak RM500 dikurangkan kepada RM400 dan sasaran bersetuju.
>
> Nama sasaran adalah Zack.
>
> Selepas rakaman perbualan itu tamat, saya memainkan semula pita rakaman dihadapan pengadu.

Saya dengan pengadu dapati pita rakaman tersebut kosong. Saya tidak tahu kenapa pita rakaman tersebut kosong.

Sebelum buat rakaman saya sudah periksa keadaan alat rakaman yang akan digunakan dan semuanya berada dalam keadaan baik.

[m.s 77 Rekod Rayuan]

**[41]** Berdasarkan kepada penjelasan SP6, beliau nyatakan bahawa walaupun rakaman telah cuba dibuat tetapi perbualan tidak dapat dirakamkan dan beliau tidak tahu mengapa perkara ini boleh terjadi, sedangkan beliau telah membuat pemeriksaan alatan untuk merakam sebelum rakaman dibuat dan alatan tersebut berada dalam keadaan baik. Oleh yang demikian, berpandukan kepada keterangan ini, adalah jelas bahawa tiada kacau ganggu terhadap barang kes. Yang menjadi masalah hanyalah tiada sebarang rakaman yang dapat dibuat ke atas perbualan dan penjelasan juga telah diberikan oleh kedua-dua saksi iaitu SP6 dan juga pegawai penyiasat.

**[42]** Walaupun tanpa pita rakaman untuk mengesahkan adanya perbualan telefon di antara SP1 dan juga perayu, tetapi keterangan lisan SP1 dan juga SP6 mengesahkan bahawa ada perbualan yang telah dibuat dan panggilan dibuat hanya sekali dan perkara ini dapat dilihat melalui keterangan berikut:

SP1 berkata seperti berikut:

Selepas saya buat aduan, SPRM suruh saya menghubungi Zack. Selepas itu Zack ada telefon dan dia cakap dengan saya, saya minta kurangkan RM500 menjadi RM400. Selepas itu dia cakap boleh kerana dia akan jumpa saya di kedai burger abang saya.

[m.s 27 Rekod Rayuan]

Di dalam pemeriksaan balas, SP1 menjawab

Q : Kamu kata sekali sahaja kamu telefon?

A : Ya.

[m.s 32 Rekod Rayuan]

SP6 pula berkata seperti berikut:

Yang dibualkan di antara Zairulnizal dengan sasaran adalah pengadu meminta baki wang sebanyak RM500 dikurangkan kepada RM400 dan sasaran bersetuju.

[m.s 77 Rekod Rayuan]

**[43]** Di penghujung pemeriksaan semula SP6, dia berkata seperti berikut:

Q : Berapakah rakaman perbualan telefon yang terlibat dalam kes ini?

A : Hanya satu rakaman perbualan telefon.

[m.s 82 & 83 Rekod Rayuan]

**[44]** Berpandukan kepada keterangan-keterangan yang dinyatakan di atas, maka adalah jelas bahawa walaupun tiada pita rakaman dikemukakan, keterangan lisan mereka berdua mengesahkan bahawa terdapat perbincangan bagi mengurangkan nilai wang yang diminta oleh perayu iaitu daripada RM500 kepada RM400 dan mereka berdua juga mengesahkan bahawa hanya satu rakaman perbualan yang dibuat berkaitan panggilan tersebut. Maka, prinsip di dalam kes *Bala Anak Matik (supra)* adalah terpakai dan oleh yang demikian, ketiadaan pita rakaman yang mengandungi perbualan adalah tidak menjejaskan rantaian keterangan kes pendakwaan dan isu kacau ganggu terhadap ekshibit juga tidak timbul memandangkan penjelasan telah diberi dan yang paling utama adalah, pita rakaman bukanlah hal perkara kepada pertuduhan.

**Percanggahan Yang Material Dalam Keterangan Saksi-saksi Pendakwaan**

**[45]** Pihak perayu juga menyatakan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf apabila gagal mengambil kira percanggahan keterangan yang timbul di dalam keterangan saksi-saksi pendakwaan yang mana, antaranya, adalah berkenaan versi penemuan wang dan juga berkenaan pengemukaan dua nilai wang perangkap.

**[46]** Walaupun terdapat percanggahan di dalam kes pendakwaan, percanggahan tersebut bukanlah satu percanggahan yang material yang boleh menjejaskan kes pendakwaan. Percanggahan yang wujud hanyalah merupakan satu percanggahan yang kecil yang bukan melemahkan dan kes pendakwaan tetapi secara tidak langsung telah meningkatkan kredibiliti saksi-saksi pendakwaan. Ini bermakna, saksi-saksi pendakwaan tidak pernah diajar untuk mereka-reka keterangan di dalam mahkamah. Di dalam kes *PP v.*

*Datuk Haji Harun Haji Idris (No 2)* [1976] 1 LNS 184; [1977] 1 MLJ 15 di ms. 8, Raja Azlan Shah J (pada ketika itu) telah menyatakan: A

> In my opinion discrepancies there will always be, because in the circumstances in which the events happened, every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every single thing that happened. B

**[47]** Malahan, Raja Azlan Shah J (pada ketika itu) juga dengan lebih lanjut telah menyatakan di perenggan yang sama bahawa: C

> I shall be almost inclined to think that if there are no discrepancies, it might be suggested that they have concocted their accounts of what had happened or what had been said because their versions are too consistent.

**[48]** Dengan mengguna pakai prinsip di atas, percanggahan yang timbul mengenai tempat wang ditemui bukanlah satu percanggahan yang material. Di dalam kes ini, hanya seorang saksi pendakwaan iaitu Khairul Hizam b. Wahab, SP5 yang menyatakan bahawa wang ditemui di dalam porch bag yang dipakai perayu, manakala saksi-saksi pendakwaan yang lain menyatakan bahawa wang perangkap adalah dicampakkan oleh perayu ke atas lantai setelah mengeluarkannya daripada porch bag dan perkara ini juga disokong oleh keterangan bergambar melalui eks. P10 (a)-(e). D E

**[49]** Di dalam kes ini, kesemua saksi pendakwaan menyatakan bahawa wang sememangnya pada mulanya berada di dalam porch bag yang dipakai perayu dan perkara ini boleh dilihat melalui keterangan-keterangan berikut: F

Keterangan SP1 adalah seperti berikut: G

> Ya, saya serahkan RM400 kepada Zack. Duit itu Zack simpan di dalam porch bag.
>
> [m.s 28 Rekod Rayuan]

Keterangan SP2 pula berbunyi begini: H

> Seterusnya saya nampak adik saya menyerahkan duit RM400 kepada Zack. Saya boleh nampak adik saya menyerahkan duit. Zack ambil duit itu letak di dalam porch bag di depannya.
>
> [m.s 41-42 Rekod Rayuan] I

SP3 pula keterangannya menyatakan:

> Dalam gerai tersebut saya menunjukkan kad kuasa saya yang menyebut sebagai pegawai SPRM, kemudian OKT keluarkan duit dari dalam beg porch dia dan buang ke atas lantai.

[m.s 52 Rekod Rayuan]

SP4 pula menyatakan:

> Selepas Penolong Penguasa Mohd Zahari memperkenalkan diri sebagai Pegawai SPRM, Penolong Penguasa Khairul Hizam telah menanyakan berkenaan wang yang telah diterima. Kemudian sasaran mengeluarkan wang tersebut daripada porch bag beliau dan membuang wang tersebut ke atas lantai.

[m.s 65 Rekod Rayuan]

Keterangan SP5 menyatakan seperti berikut:

> Saya ada bertanya berkenaan wang yang diberi oleh pengadu kemudian beliau menyatakan terdapat dalam porch bag. Kemudian duit itu dikeluarkan dan pegawai SPRM telah membuat semakan dengan senarai wang bertanda.

[m.s 73 Rekod Rayuan]

**[50]** Berlandaskan keterangan-keterangan di atas, kesemua saksi pendakwaan yang berkaitan mengesahkan bahawa pada mulanya memang wang perangkap berjumlah RM400 tersebut berada di dalam porch bag dan hanya pada selepas pegawai SPRM tiba dan memperkenalkan diri, barulah wang tersebut dikeluarkan dan dicampak ke atas lantai. Maka jika dilihat kepada keterangan secara keseluruhan, sememangnya wang RM400 berada di dalam porch bag. Oleh yang demikian, percanggahan yang wujud berkenaan wang perangkap ditemui di atas lantai bukanlah satu perkara yang material dan ianya hanya merupakan percanggahan yang kecil sahaja.

**[51]** Berkenaan nilai wang perangkap iaitu sama ada ianya merupakan RM500 ataupun RM400. Nilai RM500 wujud pada mulanya adalah di atas permintaan wang tersebut oleh perayu kepada SP1 dengan mengambil kira faktor bahawa pada mulanya wang yang diminta untuk selesaikan kes adalah RM800 dan setelah RM300 diserah kepada perayu, perayu meminta untuk SP1 menyelesaikan baki berjumlah RM500.

**[52]** Hanya setelah rundingan dilakukan melalui panggilan telefon yang mana perkara ini disahkan oleh SP1 dan SP6, barulah perayu bersetuju dengan nilai baru iaitu RM400. Keterangan saksi-saksi pendakwaan selain daripada SP5 juga mengesahkan bahawa wang perangkap yang disediakan adalah RM400 dan perkara ini adalah disokong melalui keterangan senarai wang bertanda dan juga wang perangkap yang telah dikemukakan iaitu P4(a)-(h) dan juga P5. Oleh yang demikian adalah jelas bahawa wang perangkap yang disediakan adalah berjumlah RM400 dan bukannya RM500.

**[53]** Bahawa SP5 kemungkinan terkeliru dengan nilai wang perangkap tersebut berpandukan kepada fakta bahawa permintaan pada awalnya adalah berjumlah RM500 dan fakta ini dapat dilihat melalui keterangan berikut:

Di dalam pemeriksaan balas, SP5 berkata seperti berikut:

Q : Kejadian ini telah lama dan banyak perkara kamu tidak ingat, betul?

A : Ya.

Q : Tadi jawapan kamu kalau kamu tidak lihat kepada P5 kamu pun tak boleh jawab siapa yang serah dan siapa yang periksa, betul?

A : Ya, memang tidak ingat kalau rujuk baru saya ingat.

[m.s 74 Rekod Rayuan]

**[54]** Berpandukan kepada fakta yang dinyatakan di atas, adalah jelas bahawa saksi ini sememangnya tidak mengingati secara jelas sebahagian fakta apa yang terjadi pada ketika tangkapan dibuat. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak seharusnya menjadikan beliau seorang saksi yang tidak boleh dipercayai dan kredibiliti beliau terjejas. Sebahagian besar daripada keterangan beliau sememangnya saling menyokong keterangan saksi-saksi pendakwaan yang lain dan percanggahan yang sedikit ini tidak sepatutnya menjejaskan kes pendakwaan. Merujuk kepada kes *Khoon Chye Hin v. PP* [1961] 1 LNS 162; [1961] 27 MLJ 105 Thomson CJ membuat observasi mengenai percanggahan keterangan saksi-saksi seperti berikut:

> if a witness demonstrably tells lies on one or two points then it is clear that he is not a reliable witness and as a matter of prudence the rest of his evidence must be scrutinised with great care and indeed with suspicion. To say, however, that because a

witness has been proved a liar on one or two points then the whole of his evidence "must in law be rejected" is to go too far and is wrong.

## Keterangan-keterangan Saksi Pembelaan Tidak Dinilai Secara Keseluruhan

**[55]** Pihak perayu dalam kes ini juga menyatakan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah khilaf apabila tidak menilai secara keseluruhan keterangan-keterangan saksi pembelaan yang mana jika dinilai akan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Hakim Mahkamah Sesyen telah menyatakan begini mengenai perayu:

> Pembelaan OKT adalah bercorak penafian dan tidak ada sokongan terhadapnya.
>
> [m.s 154 Rekod Rayuan]

**[56]** Berkenaan dengan isu ini, di dalam kes *Kalaichelvan Singaravelu v. PP* [2011] 1 LNS 1793 di mana mahkamah di ms. 18 telah menggariskan prinsip yang perlu dipatuhi dalam menilai pembelaan seseorang tertuduh berkaitan kes rasuah. Beliau telah menyatakan bahawa:

> The learned trial judge had given due consideration to the appellant's defence. She was correct in finding that the defence was a bare denial as the appellant denied that he had solicited the sum of RM2000.00 and he also denied that he had accepted the sum of RM1000.00. Since the presumption in s. 42(1) of the Act that the money was solicited and received corruptly was triggered off by her finding that the appellant had solicited and accepted the moneys concerned, the burden of proof shifted to the appellant to prove to the contrary.
>
> The appellant had to rebut the presumption on the balance of probabilities (see the case of *PP v. Yuvaraj* [1962] 2 MLJ 89 PC). This burden is higher than the burden of casting a reasonable doubt but lower than the burden on the prosecution to prove the charges against the appellant beyond reasonable doubt (see the case of *Ku Yahya Ku Bahari & Anor v. PP* [2000] 3 CLJ 162). The appellant had to give an innocent explanation which the court considered more likely than not was true (see the case of *Thavanathan a/l Balasubramaniam v. PP* [1997] 3 CLJ 150).
>
> There must be sufficient evidence to rebut the presumption. What that means is that the evidence must be reasonably sufficient to invite belief in its probable truthfulness (see the case of *Attan bin Abdul Ghani v. PP* [1970] 2 MLJ 143).

In the instant appeal since the defence was a denial of the corrupt soliciting of the RM2000.00 and the corrupt receipt of the RM1000.00 this court was of the view that the decision of the learned trial judge that the presumption cannot be said to have been rebutted was correct.

**[57]** Di dalam kes sekarang, anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009 telah terpakai di mana pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan dua elemen utama di dalam pertuduhan iaitu perayu merupakan seorang penjawat awam pada masa kejadian dan keduanya, beliau telah menerima wang berjumlah RM300 dan RM400 bagi kedua-dua pertuduhan. Oleh yang demikian dengan mengguna pakai anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009, perayu adalah dianggap secara rasuah menerima wang tersebut sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap SP8.

**[58]** Walaupun pihak perayu berulang kali menyatakan bahawa mereka telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan, adalah perlu diingatkan bahawa beban pembuktian kes rasuah adalah berbeza jikalau hendak dibandingkan dengan kes jenayah biasa. Ini adalah kerana sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Ku Yahya Ku Bahari yang telah dipetik di dalam kes *Kalaichelvan Singaravelu, supra*, tertuduh hendaklah menyangkal anggapan yang terpakai ke atas beliau pada tahap imbangan kebarangkalian yang mana ianya adalah lebih tinggi daripada menimbulkan keraguan yang munasabah. Maka berdasarkan kepada prinsip kes di atas, adalah jelas bahawa pihak perayu telah gagal untuk memberi satu penjelasan yang jujur tentang bagaimana beliau boleh menerima wang daripada SP1 yang mana pembelaan yang telah beliau berikan tidak berjaya menyangkal anggapan di bawah s. 50 ASPRM 2009 pada tahap imbangan kebarangkalian. Pembelaan yang telah beliau berikan hanyalah beliau telah diperangkap dan beliau hanya menafikan bahawa beliau tidak menerima apa-apa wang daripada SP1. Walaupun pihak perayu telah memanggil empat orang saksi pembelaan, keterangan yang mereka berikan juga tidak berjaya menyangkal anggapan yang terpakai dan oleh yang demikian, Hakim Mahkamah Sesyen adalah tidak khilaf apabila mensabitkan tertuduh dengan kedua-dua pertuduhan.

A **Hukuman Penjara Yang Terlalu Berat Dan Tidak Mengikut Trend**

**[59]** Bahawa hukuman yang dijatuhkan kepada perayu di dalam kes semasa adalah tidak melampau dan telah mematuhi prinsip
B dalam menjatuhkan hukuman. Ini adalah kerana kesalahan rasuah merupakan satu kesalahan yang serius dan oleh yang demikian, satu hukuman yang setimpal yang mencerminkan kesalahan tersebut seharusnya diberikan kepada seseorang tertuduh agar ianya dapat menjadi tauladan bukan sahaja kepada tertuduh tetapi
C juga kepada masyarakat secara umumnya.

**[60]** Di dalam kes *Abdul Rahman Suhaimi v. PP* [2012] 1 CLJ 310 di mana mahkamah memerintahkan tertuduh yang telah disabitkan dengan kesalahan di bawah s. 10(a)(bb) APR 1997 iaitu
D menerima rasuah berjumlah RM400 dan RM500, dihukum penjara 2 tahun dan denda RM10,000. Alasan yang telah mahkamah berikan di ms. 13 adalah seperti berikut:

> The concurrent imprisonment sentences of two years each would be sufficient enough punishment and retribution to the appellant
E besides sending a strong deterrent signal to other would be offenders of the same mind.

**[61]** Di dalam kes *PP v. Mastor Ibrahim & Another Appeal* [2012] 4 CLJ 872 pula mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara
F 18 bulan dan denda RM10,000, gagal bayar enam bulan penjara di atas kesalahan menerima wang berjumlah RM570. Mahkamah di ms. 21 telah mengambil kira faktor-faktor berikut dalam menjatuhkan hukuman:

> I am fortified in my view following the decision in *PP v. Dato' Waad Mansor* [2005] 1 CLJ 421 where the Federal Court stated,
G in p. 434:
>
> > The offence of corruption, if unabated or undeterred, is far more reaching in its consequences than the crimes of robbery, criminal breach of trust or rape. Thus, we feel
> H that the sentences imposed for offences of corruption should be deterrent in nature so as to reflect the gravity of the offence.
>
> At p. 441 the Federal Court further stated:
>
> I > ... there is no doubt that in cases involving corruption, imprisonment would be a proper sentence, unless there are extenuating circumstances against the imposition of such a sentence.

> I could find no extenuating circumstances existing in this case before me to warrant a sentence otherwise than a custodial one. Hence for all the reasons given, the respondent is sentenced to 18 months imprisonment. He is also ordered to pay a fine in the sum of RM10,000, in default six months imprisonment.

**[62]** Maka, dengan mengambil kira prinsip kes di atas dan faktor bahawa perayu merupakan seorang penjawat awam, nilai wang, tempoh masa perbicaraan kes dan juga tahap keseriusan kes rasuah, adalah ditegaskan di sini bahawa Hakim Mahkamah Sesyen tidak khilaf apabila menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM10,000, gagal bayar tiga bulan penjara ke atas perayu.

**[63]** Walau bagaimanapun, terdapat ketinggalan yang telah dilakukan oleh Hakim Mahkamah Sesyen di dalam hukuman yang beliau jatuhkan, iaitu beliau tidak menyatakan bagi pertuduhan pertama, denda jika gagal dibayar berapakah hukuman penjara yang perlu dijalani oleh perayu dan bilakah bermulanya tempoh perlaksanaan hukuman tersebut.

**[64]** Dengan menggunakan budi bicara saya di bawah s. 323 Kanun Tatacara Jenayah, untuk mengelakkan kecelaruan berlaku, hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang terpelajar diketepikan. Sebagai gantinya, hukuman ke atas perayu adalah seperti berikut:

(a) Pertuduhan Pertama - Perayu dijatuhkan tiga tahun penjara dan denda RM10,000, jika tidak bayar tiga bulan penjara;

(b) Pertuduhan Kedua - Perayu dijatuhkan tiga tahun penjara dan denda RM10,000, jika tidak bayar tiga bulan penjara.

**[65]** Pemenjaraan berjalan serentak dan bermula pada hari ini ie, 28 Disember 2012.